

TARIKH	29 / 04 / 2016	SEKSYEN	Niaga
MUKA SURAT	52	RUANGAN	

Johan dilantik Pengarah Urusan, CEO Tabung Haji

KUALA LUMPUR – Datuk Johan Abdulrahman dilantik menjadi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) bagi menggantikan Tan Sri Ismee Ismail berkuatkuasa 1 Julai ini.

Ahli Lembaga Pengarah TH turut bersetuju agar Johan menanggung tugas sebagai CEO bermula 16 Mei depan.

Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, penyerahan tugas



JOHAN



ISMEE

oleh Ismee itu sejajar dengan Pelan Penggantian TH yang telah dirancang sejak Januari 2015 lalu.

"Kepimpinan dan visi Ismee telah banyak menyumbang kepada kejayaan TH sehingga memperoleh pengiktirafan dan penghormatan di peringkat antarabangsa.

"Kami berbangga dan berterima kasih di atas kepimpinannya sepanjang tempoh melebihi 10 ta-

hun dengan menjadikan TH telah berjaya melalui transformasi yang telah mening-

katkan prestasi kewangan ke tahap yang membanggakan," katanya dalam satu kenyataan akbar di sini semalam.

Johan telah menyertai TH pada 15 Januari 2015 sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO TH.

Sebelum menyertai syarikat tersebut, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO BIMB Holdings Bhd.

Berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Morehead State, Amerika Syarikat (AS), beliau juga merupakan pemegang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Eastern Michi-

gan, AS.

Di bawah kepimpinan Ismee, TH telah berjaya mempelbagaikan portfolio pelaburan serta aliran pendapatannya.

Antaranya buat kali pertama, pendapatan syarikat

telah mencapai lebih RM4 bilion selain keuntungan selepas zakat dan cukai yang melebihi RM3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Syarikat pengurusan haji, tabungan dan pelaburan itu juga mencatatkan kejayaan dalam mempelopori pelaburan hartanah ke luar negeri termasuk di Tanah Suci Mekah, United Kingdom dan Australia.